



اوتنورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Bendahari
Bursary Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5025
e-mel: bursary@umpsa.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Rujukan kami (Our Ref): UMPSA.03.08/100.1/3/2 (2)

Tarikh: 19 Januari 2024

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.2 TAHUN 2024
PINDAAN DAN TAMBAHAN PEKELILING BENDAHARI BIL.4 TAHUN 2023:
KADAR DAN SYARAT ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN PEGAWAI KERANA
MENJALANKAN TUGAS RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN
ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2024 berkenaan Pindaan Dan Tambahan Pekeliling Bendahari Bil.4 Tahun 2023: Kadar Dan Syarat Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Pegawai Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang

ZO/NFMS/Surat/Pekeliling/ Surat Pekeliling Bendahari Universiti/ Folder Dasar & Pematuhan

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI





SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2024

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PINDAAN DAN TAMBAHAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2023: KADAR DAN SYARAT ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN PEGAWAI KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan dan tambahan kepada Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 berkaitan Kadar Dan Syarat Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Pegawai Kerana Menjalankan Tugas Rasmi selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan terkini yang telah dikemaskini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kadar Dan Syarat Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi yang berkuatkuasa 1 Januari 2024 telah dikemaskini oleh Perbendaharaan;
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-55 Bil.2/2023 bersetuju UMPSA menerima pakai mana-mana perubahan terkini yang dikemaskini dalam Pekeliling Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

3.0 PINDAAN DAN TAMBAHAN PEKELILING KADAR DAN SYARAT ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN PEGAWAI KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI

3.1 Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 dipinda dan ditambah pada perenggan berikut:

BERTUGAS RASMI DI DALAM NEGERI

5.8 Tambang Gantian

5.8.3 seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian **LAYAK** menuntut bayaran tempat tidur dalam kereta api (berth charges).

5.12 Belanja Pelbagai

(f) bayaran berkaitan pencegahan penyakit antara lain seperti bayaran saringan/ pengesanan/ vaksin yang meliputi peralatan dan perkhidmatan yang diwajibkan sahaja bagi urusan tugas rasmi; atau

(g) bayaran yang diwajibkan untuk memasuki sesuatu premis/kawasan bagi urusan tugas rasmi.

BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

6.1 Elaun Makan dan Elaun Harian

6.1.8 pegawai yang terpaksa menginap atas sebab luar kawalannya sebelum atau selepas bertugas rasmi dibenarkan untuk menuntut Elaun Makan mengikut kelayakannya; dan

6.1.9 tuntutan Elaun Makan yang dibenarkan atas sebab luar kawalan pegawai adalah seperti berikut:

(a) bencana alam antara lain seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran;

(b) keselamatan antara lain seperti peperangan, rusuhan, darurat, konflik bersenjata, pemberontakan, perang saudara, revolusi, ketenteraan dan rampasan kuasa;

- (c) kuarantin antara lain disebabkan penularan wabak penyakit berjangkit dan pandemik;
- (d) masalah kesihatan yang tidak memerlukan rawatan wad tetapi sebagai pesakit luar yang memerlukan tempoh pemulihan seperti demam, cirit birit, kecederaan dan keracunan makanan; atau
- (e) arahan Kerajaan negara berkenaan.

6.1.10 pegawai yang terpaksa menginap atas sebab luar kawalannya sebelum atau selepas bertugas rasmi seperti di perenggan 6.1.8 dan 6.1.9 hendaklah mendapat pengesahan daripada pihak berkuasa yang berkenaan atau pegawai perubatan berdaftar.

6.2 Bayaran Sewa Hotel

6.2.7 pegawai yang terpaksa menginap atas sebab luar kawalannya sebelum atau selepas bertugas rasmi dibenarkan untuk menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing mengikut kelayakan pegawai; dan

6.2.8 penginapan yang dibenarkan atas sebab luar kawalan pegawai adalah seperti berikut:

- (a) bencana alam antara lain seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran;
- (b) keselamatan antara lain seperti peperangan, rusuhan, darurat, konflik bersenjata, pemberontakan, perang saudara, revolusi, ketenteraan dan rampasan kuasa;
- (c) kuarantin antara lain disebabkan penularan wabak penyakit berjangkit dan pandemik;
- (d) masalah kesihatan yang tidak memerlukan rawatan wad tetapi sebagai pesakit luar yang memerlukan tempoh pemulihan seperti demam, cirit birit, kecederaan dan keracunan makanan; atau
- (e) arahan Kerajaan negara berkenaan.

6.2.9 pegawai yang terpaksa menginap atas sebab luar kawalannya sebelum atau selepas bertugas rasmi seperti di perenggan 6.2.7 dan 6.2.8 hendaklah mendapat pengesahan daripada pihak berkuasa yang berkenaan atau pegawai perubatan berdaftar.

6.5 Belanja Pelbagai

6.5.1 seseorang pegawai layak menuntut Belanja Pelbagai yang disokong dengan resit/bukti pembayaran seperti berikut:

(g) bayaran berkaitan pencegahan penyakit antara lain seperti bayaran saringan/ pengesanan/ vaksin yang meliputi peralatan dan perkhidmatan yang diwajibkan sahaja bagi urusan rasmi.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani dan dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 berkaitan Kadar Dan Syarat Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Pegawai Kerana Menjalankan Tugas Rasmi di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 19 Januari 2024

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang